



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2) KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. TANGGAGAJI B.2 EB.3

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. TANGGAGAJI B.2

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Undang-Undang atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU


ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

4. Berkemahiran dalam penggunaan komputer.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merangka dan mentafsirkan undang-undang yang di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;
2. Merangka dan meneliti perjanjian kontrak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;
3. Memberi cadangan-cadangan bagi pengubalan undang-undang dan peraturan-peraturan demi menggalakkan perkembangan sektor pengangkutan dan / atau infokomunikasi untuk menjadi lebih komprehensif;
4. Memberikan pandangan dan nasihat undang-undang terhadap penilaian, penyiasatan dan analisa kes mengikut *due process* yang tepat;
5. Menyediakan kertas kerja/kertas maklumat berhubung nasihat dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan
6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.